

Para Migran dan Pelarian bukanlah buah bidak pada papan catur.

- Paus Fransiskus

Oleh itu, Cinta untuk Tuhan harus diterjemahkan ke dalam bentuk perbuatan-perbuatan yang konkrit kepada orang yang lemah dan miskin di tengah-tengah kita. Markus 8: 34 & 35 mengingatkan kita untuk menafikan atau melampaui diri kita sendiri, mengangkat salib kita dan mengikuti langkah-langkah Kristus, yang mati supaya kita dapat hidup. Kita pasti mendapat ganjaran yang hebat, kerana sekiranya kita memilih untuk menyelamatkan nyawa kita, kita akan kehilangannya dan jika kita memilih untuk kehilangan nyawa kita demi Kristus, kita pasti akan diselamatkan

Kita telah mendengar dan membaca banyak kisah sedih tentang para migran yang mengalami penderitaan fizikal, emosi dan mental yang keras apabila diperhambakan dengan pekerjaan yang kotor, merosakkan kesihatan dan berbahaya. Beribu-ribu orang telah diperdagangkan, pekerja binaan dan pekerja perladangan menderita kerana terpaksa berkongsi di rumah-rumah "kongsi" yang panas, kotor dan sesak, sesetengahnya meninggal di dalam tidur akibat keletihan bekerja melebihi 12 jam sehari. Kebanyakan pembantu rumah tidak diberi cuti dan tiada kebebasan bergerak kerana majikan mereka telah menyimpan pasport mereka. Luka-luka kesengsaraan terus berlaku.

Gereja mengundang setiap daripada kita untuk mengetepikan tanggapan prejudis terhadap para migran dan bukan setakat mengalu-alukan tetapi juga melindungi dan mempertahankan hak dan martabat para migran dan pelarian, agar mereka bebas dengan status undang-undang mereka. Kita dipanggil untuk melindungi mereka daripada agensi pekerjaan atau majikan yang tidak bertanggungjawab dan memulihkan martabat mereka sebagai pekerja, dengan akses penuh kepada kadar upah yang adil dan keadaan tempat kerja yang kondusif. Bolehkah kami melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan apabila kita mengetahui adanya penderaan migran di kawasan kejiranan kita? Sebagai majikan, bolehkah kita membenarkan mereka untuk mengekalkan identiti dan menyimpan sendiri dokumen peribadi mereka sepanjang masa? Bolehkah kita menawarkan kepada mereka kebebasan pergerakan, peluang pekerjaan, akses kepada perkhidmatan asas seperti kesihatan, perumahan dan pendidikan, dan akses kepada keadilan? †

Perkataan mingguan

Iman tanpa perbuatan, itu benar-benar mati.

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-24

MENJADI MURID - MURID HARAPAN

TEMA BULANAN:

**MENGHORMATI SESAMA,
BERTEMANKAN DUNIA DI DALAM KRISTUS**

Melindungi Para Migran Di Tengah-tengah Kita

Saudara-saudari, Firman Allah sangat mencabar kita pada hari ini. Apa gunanya kita mengaku iman tanpa menunjukkan perbuatan? Iman seperti itu tidak akan menyelamatkan kamu. Sekiranya ada saudara atau saudari memerlukan pakaian atau makanan dan salah seorang daripada kita berkata, "Semoga keadaan kamu menjadi baik, selesa dan terpenuhi," tanpa memenuhi keperluan material mereka, apakah bentuk kebaikan itu? Jadi untuk **iman tanpa perbuatan, itu benar-benar mati.** (Yakobus 2: 14-18)





GEREJA VISITATION

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki: Rev. Fr George Harrison
 Pembantu Paderi: Fr. Xavier Andrew

PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan : Menghormati orang lain dan berteman dengan dunia dalam Kristus
 (September) 2018

*KeArah 170 tahun Paroki Visitation
 (1848 - 2018)*

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat
 8.30pg - 5.30 ptg
 Sabtu : 8.30pg - 7.30 ptg
 Ahad: 8.30 pg - 3.00 ptg
 Pengakuan dosa di gereja ½
jam sebelum semua Misa
mengikut kesediaan Paderi.



PROGRAM MINGGU INI 15 - 23 SEPTEMBER 2018

HARI MINGGU BIASA KE 24 : Yes 50, 5-9a, Mzm 114, 1-2, 3-4, 5-6, 8-9 Yak 2, 14-18 Mrk 8, 27-35
"Berbelaskasihlah, Tuhan dan adil; Allah kami adalah Rahim" (Mazmur 114)

Sab	15	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Stephen)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 ptg di Visitation (U/S) (F. 3,4,5) 7.00 ptg : Pembaptisan Bayi
Ahad	16	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Misa Kudus (T) (Animasi : Fmly Life Min) Misa Kudus (E) (Animasi : RE- Form 2) Misa Kudus M) Misa Kudus (BM)	RE - Tiada Kelas Minggu RCIA (T) (M) & (BM) Tiada Kelas Minggu RCIA (E) 11.00 -12.30tgh
Is	17	6.45 pg	Misa Kudus	<i>Karismatik (E) 7.30 ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.</i>
Sel	18	6.45 pg	Misa Kudus	<i>Karismatik (M) 7.30 ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.</i>
Rab	19	6.45 pg	Misa Kudus	
Kha	20	6.45 pg	Misa Kudus	<i>Karismatik (T) 7.30 ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput.</i>
Ju	21	6.45 pg	Misa Kudus	

HARI MINGGU BIASA KE 25 : Keb 2, 12a, 17-20, Mzm 53, 3-4, 56, 6 dan 8 Yak 3, 16-4, 3,
"Tuhan Menegakkan Hidupku, Tuhan Menegakkan Hidupku" (Mzm 53)

Sab	22	5.00 ptg 6.00 ptg	Rosari / Novena / Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : St. Claire)	Bible Knowledge (BK) : 2.30 pm in the Visitation Hall (U/S) (F. 3,4,5)
Ahad	23	7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg	Eucharist (T) (Animasi : St. Justin) Eucharist (E) (Animasi : RE- Catechists) Eucharist (C) 4.30 ptg : Titi (M) Eucharist (BM) 6.00 ptg : Kg Sebir (BM)	<i>RE(T): 8.45-10.15 pg; RE(C): 9- 10.30 pg ; RE(E) & (BM) 10.45 -12.15tgh</i> <i>RCIA (T) 9.00 -10.30 pg ; RCIA (BM) 11.00 pg -12.30tgh</i> <i>RCIA (E) 11.00 -12.30tgh ; RCIA(M): 8.45 -10.15 pg</i>

Kami mengalu-alukan Ahli Paroki / Pelajar daripada Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau emel kami di serembanvisitation@gmail.com. *Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.*

BERITA / ACARA BAGI SEPTEMBER 2018

- i) Pungutan Mingguan Paroki :**
 a) 08 / 09 September : RM9,428.00 Titi :RM68.00
 b) Bencana Alam di Kerala : RM9,262.40
 Tuhan memberkati semua penderma
- ii) Sisters from Little Sisters of the Poor (LSP)**
 akan berada di paroki kita pada 22/23 September untuk menjalankan kutipan derma sebagai bantuan kepada Rumah Orang Tua-Tua. Sila sokong usaha ini.
 Tuhan memberkati semua penderma
- iv) Pejabat Paroki** akan ditutup pada 16 Sept (Ahad) (Hari Malaysia)

Berdoa bagi mereka yang telah meninggal dunia :
 Anthony Dass (d.o.d : 12/09/18)
Semoga cahaya terang bersinar ke atasnya.

- **Festival Kuih Bulan (Mid-Autumn Festival)** 22/09/2018 (Sab) @ 7 ptg di Dewan Visitation. Datang dan sertai, jemputlah keluarga dan rakan-rakan anda.
- **Bercadang untuk Berkahwin?** Pertama, isikan butiran peribadi anda di pejabat paroki dan berjumpa dengan paderi (sekurang-kurangnya 1 tahun sebelum tarikh perkahwinan)
- **KEBERSIHAN GEREJA DAN PERSEKITARAN.** *Memaku pada dinding, pelekat, gam dll adalah tidak dibenarkan. SENTIASA PASTIKAN Rumah Tuhan dikekalkan dengan baik dan dijaga oleh SEMUA.*
- **Pemakaian sesuai menghadiri Misa Kudus** - semua ahli paroki, ketua, dan semua pelayan Misa perlulah memakai pakaian yang sesuai, kemas dan sesuai untuk Perayaan Ekaristi.

Terima kasih untuk Animasi Misa : KED St. Stephen (Thivy) dan RE- Ting 2 untuk minggu ini.

- **"UNITY WALK"** untuk semua agama bersempena Hari Malaysia 2018. PMEIA daripada Visitation dengan MCCBCHST daripada NS telah menganjurkan program ini dengan sokongan daripada Exco Negeri YB Arul dan Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Sembilan. Semua adaah dijemput dalam program ini. (Sab. 22/9/18 @ 7.45 pg di Lake Garden, Seremban. Hubungi : Christopher Krishnan - 019 6216194. T-shirt bagi mereka yang telah mendaftar sahaja boleh dikutip pada 20 & 21 Sept selepas Misa pagi (7.30 pg -8.00 pg) dan 5.30 ptg - 7.00 ptg di Kantin.

- **Ministry of the Poor** - ("A Church of the Poor for the Poor" - Pope Francis).- **MOP**

- Pelancaran dan Pemberkatan anggota kumpulan pada 22/23 September
- **Medical Camp** pada 14 Oktober 2018
- Ceramah Rohani mengenai "Church of the Poor" oleh Rev. Fr. Xavier pada 3 Nov untuk semua ahli paroki
- Hari Sedunia bagi mereka yang Miskin (18/11/2018)

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Stephen Dionisappu (016-6110681)

- **Membuat Logo untuk St. Mary Kindergarten**, Jalan Lee Sam. Sila kembalikan semua boring penyertaan kepada pejabat paroki sebelum 16 September 2018.

- **4 Okt 2018 (Khamis) @ 7.00 ptg di Gereja St. Francis of Assisi, Cheras :** Konsekrasi Suci dan Dedikasi Gereja Baharu - Pesta St. Francis Assisi dan ulangtahun Ordinasi Sacerdotal ke-25 Friar Paul Cheong OFM Cap.
- Ulangtahun ke-170 **Cornerstone "Coffee Table" Book.** - RM40/- per naskah. Buku boleh didapati selepas semua Misa atau di pejabat paroki.

- **Komuni kepada mereka yang Sakit/Terlantar di Rumah:**

- ~ Semua EOMS perlu memastikan senarai mereka yang terlantar di rumah (area/KED anda) dikemaskini dengan baik.
- ~ Komuni perlu diberikan kepada mereka yang sakit pada setiap minggu.
- ~ KED/Keluarga perlu memaklumkan pejabat paroki bagi pengurapan orang sakit di rumah atau hospital. Jika boleh sila berjumpa dengan paderi sebelum apa-apa pembedahan.

- **Choice English (KL):** 5 (Jum) hingga 07 (Ahad) Oktober 2018 - choicelreclruitment@gmail.com

- **Frs on Retreat :** Fr. George Harrison - 16-21 September 2018 (J.B.)
 Fr. Xavier Andrew - 23-28 September 2018 (Cameron Highland)

- **Hari Minggu Migran :** 30/9/2018 - Misa Migran @ 1.00 ptg; Fellowship selepas Misa bagi para migran.